

**Pakatan janji untuk naikkan gaji penjawat awam pada Hari Buruh
Malaysian Insider
Mei 1,2013
Oleh Zurairi AR**

PUTRAJAYA, 1 Mei — Pakatan Rakyat (PR) berjanji untuk mengubah skim gaji penjawat awam daripada bulanan kepada mingguan jika mereka mengambil alih kuasa, berpotensi memberikan bayaran lebih empat minggu, sebagai langkah untuk mendapatkan sokongan daripada 1.4 juta penjawat awam.

Penasihat PR Datuk Seri Anwar Ibrahim memberikan ucapan Hari Buruh di sini dihadapan ribuan penyokong di tempat sama di Presint 3 dimana Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat diberikan sambutan bersejarah minggu lalu.

“Pendekatan kita ialah untuk memberi faedah dan habuan membela nasib pekerja setimpal dengan pengorbanan dan kudrat kerja mereka. Ini prinsipnya yang tidak difaham oleh rakan-rakan kita di sebelah sana,” kata Anwar kepada hadirin yang menyambutnya dengan tepukan dan laungan “Reformasi” sebelum itu.

Ikrar PR untuk penjawat awam yang digelar “Deklarasi Putrajaya 2013” diserahkan kepada Anwar oleh penulisnya Datuk Husam Musa dari PAS yang membuat percubaan untuk menawan pusat pentadbiran kerajaan itu pada pilihan raya 5 Mei.

Penjawat awam juga ditawarkan untuk mendapat pinjaman tanpa faedah bagi pembeli rumah pertama kali dan usia pencen lebih awal – 45 bagi wanita dan 50 bagi lelaki, jika PR menang Pilihan Raya 2013.

PR juga berikrar untuk mengurangkan tempoh kenaikan pangkat dari 15 kepada 10 tahun. Kesatuan sekerja juga akan dibenarkan dan sebarang campurtangan politik terhadap perkhidmatan awam akan dihentikan.

Sebelum itu, Anwar mengucapkan terima kasih kepada penjawat awam yang menyumbang kepada rekod baiknya semasa di Kementerian Pelajaran dan Kewangan akan tetapi mengeluh pekerja telah diturunkan pangkat kerana campur tangan politik dan penggunaan perunding asing.

Beliau juga mengkritik Skim Gaji Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang diperkenalkan Januari tahun lepas. Dibatalkan selepas dua bulan, selepas dikritik kerana hanya memanfaatkan penjawat awam berpangkat tinggi dan membiarkan majoriti penjawat awam mendapat kenaikan gaji yang sedikit.

“Ini menggambarkan sikap pimpinan Umno-BN ini selalu, dalam pertimbangan, memihak kepada golongan kaya di atas,” kata Anwar.

Di bawah skim SBPA, 36 pegawai atasan kakitangan awam akan memperoleh RM36,000 sebulan. Ketua Hakim akan memperoleh RM80,000 dan Ketua Setiausaha Negara akan mendapat RM60,000 sebulan.

Sementara bagi yang berpangkat rendah, terdapat yang hanya mendapat kenaikan sebanyak RM1.70.

Perdana Menteri Smentara Datuk Seri Najib Razak mengumumkan kenaikan gred gaji bagi

mereka yang berkhidmat dalam pasukan keselamatan untuk disetarakan dengan perkhidmatan awam lain dalam sistem saraan baru yang digelar Sistem Saraan Transformatif (SST) yang meningkatkan perbelanjaan sebanyak RM1.5 bilion sebagai ganti kepada SBPA.

"Saya ingin memberi keyakinan kepada penjawat awam, bahawa kerajaan PR akan memulihkan keyakinan berdasarkan tahap profesionalisme mereka dan 'reform civil service' (ubah perkhidmatan awam) yang boleh meningkatkan martabat mereka sebagai competent civil servants," kata Anwar sambil diberikan sorakan oleh hadirin.

Malaysia mempunyai 1.4 juta penjawat awam. Sebanyak 80,000 tinggal di Putrajaya dengan 15,798 mendaftar sebagai pengundi.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-janji-untuk-naikkan-gaji-penjawat-awam-pada-hari-buruh/>